| Headline | Kepentingan insurans perubatan | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 24 Oct 2015 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 125,514 |
| Page No | 6 | Readership | 947,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 844 cm² |
| Journalist | Oleh Nadia Hamid nnadi~:<:C'!"i din i | AdValue | RM 28,982 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 86,946 |






*Badrulhisham (tengah) bersama Anusha (empat dari kiri)* ***menyampaikan replika cek*** *kepada ahli keluarga pesakit pada majlis penyerahan kutipan dana bazar amal untuk kanak-kanak yang menghidap penyakit jantung kongenital dan sumbing yang diadakan di Menara AIA.* [FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN / BH]

# Kepentingan insurans perubatan

» **Persediaan awal** *hadapi situasi tidak dijangka*



**Oleh Nadia Hamid**
nnadia@bh.com.my

Memiliki polisi perlindungan insurans perubatan sama ada disediakan majikan atau anda sendiri adalah antara persiapan awal sebagai persediaan kemungkinan anda berhadapan situasi memerlukan.

Kegunaan kad perlindungan itu penting ketika saat kritikal memandangkan kos perubatan kini semakin membebankan.

Bagi memenuhi keperluan itu, syarikat perlindungan insurans AIA Bhd menawarkan pelbagai pelan perlindungan seperti perlindungan kewangan, keselamatan dan keselesaan pada masa depan.

Ketidakseimbangan kehidupan dan cabaran terhadap masalah kesihatan menyebabkan individu perlu membuat persiapan awal bagi memastikan mereka berpeluang memperoleh khidmat kesihatan terbaik.

AIA memenuhi keperluan masyarakat dengan memperkenalkan kepelbagaian pelan perlindungan insurans dan produk pengurusan kesihatan sesuai dan kadar premium tidak membebankan.

## Jayakan kutipan dana

Kepentingan mengenainya perlu dimaklumkan kepada masyarakat. Bagi memenuhi keperluan itu kakitangan AIA menerusi program tanggungjawab sosial korporatnya (CSR), Dana AIA Touching Lives, menyebarkan maklumat berkaitan menerusi program kemasyarakatan.

Tahun ini usaha, berkenaan dilaksanakan menerusi kutipan dana menggunakan saluran bazar amal berlangsung di Menara AIA.

Program mendapat kerjasama lebih 100 kakitangan menerusi 15 gerai jualan kreatif dan sistem jualan menggunakan kupon.

Menariknya, sesiapa saja boleh menyertai bazar amal yang menjual pelbagai barangan seperti makanan, pencuci mulut dan makanan ringan, peralatan rumah, aksesori perjalanan, permainan dan perkhidmatan kosmetik, rawatan dandanan diri serta urutan kaki.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif AIA, Anusha Thavarajah, program memberi peluang kakitangan AIA berkongsi maklumat dan kepakaran mengenai pentingnya insurans perubatan.

## Biaya rawatan pembedahan

Program sebegini juga kata beliau, membantu dan memahami kehidupan dialami orang ramai yang tidak mampu membayar kos perubatan yang semakin meningkat.

Katanya, beliau gembira berupaya meneruskan CSR dengan mengekalkan komitmen memberikan kehidupan baharu.

"Kami juga menaja kos pembedahan dan mengagihkan botol susu khas terhadap kanak-kanak bermasalah jantung kongenital serta sumbing bibir atau lelangit.

"Bazar amal tahunan kali ini bertepatan sambutan Hari Jantung Sedunia dan Hari Senyum Sedunia. Kami menetapkan sasaran sebanyak RM180,000 untuk disumbangkan terhadap kanak-kanak kurang bernasib baik.

"Sebanyak RM100,000 diperuntukkan segera bagi membantu enam kanak-kanak yang dijadualkan menjalani pembedahan membaiki jantung pada masa terdekat.

"Sejumlah RM50,000 pula disalurkan kepada Persatuan Klef Bibir dan Lelangit Malaysia (CLAPAM) yang lebih lapan tahun bekerjasama dengan AIA membantu individu sumbing yang memerlukan bantuan kewangan," katanya.

Sumbangan kepada enam kanak-kanak dijadualkan menjalani pembedahan membaiki jantung diterima Timblan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Badrulhisham Othman, manakala Pengerusi CLAPAM, Zainal Azhar Ahmad mewakili persatuannya.





***Antara aktiviti*** *bazar amal di Menara AIA, baru-baru ini.*

Powered by: iSENTIA